

BERITA HARIAN, RABU, 6 JANUARI, 1982

Pas sedia 2 tokoh untuk lawan Mahathir

ALOR SETAR, Selasa — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan ditentang oleh salah seorang dari dua tokoh PAS di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihanraya umum akan datang.

Seorang jurucakap Pejabat PAS Kedah memberitahu Berita Harian hari ini, tokoh PAS itu ialah Timbalan Presiden PAS, Haji Yusof Rawa dan Setiausaha Agung PAS, Datuk Haji Abu Bakar Umar.

Beliau berkata dua tokoh tersebut menjadi pilihan utama bagi PAS sebagai calonnya menentang Perdana Menteri itu.

Menurutnya, dua orang tokoh itu adalah paling layak dan dianggap boleh mendapat kejayaan di kawasan itu.

Katanya, Haji Yusof pernah menewaskan Datuk Seri Dr. Mahathir di kawasan Parlimen Pendang (pada masa itu) di dalam pilihanraya umum 1964 manakala Datuk Abu Bakar mengalahkan bekas Menteri Penerangan Datuk Senu Abdul Rahman di kawasan Parlimen Kubang Pasu Barat dalam pilihanraya umum 1969.

Jurucakap PAS itu juga memberitahu, Naib Yang Dipertua Agung PAS Ustaz Fadzil Nor akan menentang Menteri Besar Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin di kawasan Undangan Negeri Langkawi.

Sementara itu Datuk Sudin Wahab, Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah akan menentang Menteri Pembangunan Negara dan Luarbandar, Encik Sanusi Junid di kawasan Parlimen Jerlun-Langkawi.

PAS, jelasnya, sedang mengesan kemungkinan Datuk Syed Nahar tidak akan bertanding di kawasan Undangan Negeri Langkawi dan hanya bertanding di kawasan parlimen yang masih dirahsiakan.

"PAS membuat kesan itu untuk meletakkan calon PAS Ustaz Fadil menentang Menteri Besar itu dimana sahaja ia bertanding dalam pilihanraya umum akan datang," tambahnya.

Menurut beliau, PAS juga sedang mengesan ura-ura Encik Sanusi hendak bertanding di kawasan parlimen lain dalam negeri Kedah.

PAS Kedah ujarnya telah memutuskan akan meletakkan calonnya ke semua 26 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 13 kerusi parlimen di negeri ini dalam pilihanraya umum akan datang.